

Malaysia Jadi Tuan Rumah Persidangan Global Ikatan Koperasi Antarabangsa (ICA) 2017

Bernama

2 Mei, 2014

KUALA LUMPUR, 2 Mei (Bernama) -- Malaysia buat julung-julung kalinya akan menjadi tuan rumah kepada persidangan Global Ikatan Koperasi Antarabangsa (International Co-operative Alliance) (ICA) pada tahun 2017.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (Angkasa) Berhad, Datuk Abdul Fattah Abdullah, berkata sebanyak 290 pertubuhan koperasi dari 100 buah negara dijangka menghadiri persidangan tersebut.

Antara isu yang akan diketengahkan ialah perbankan Islam dan industri kelapa sawit, katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan Pengarah Rantau Asia Pasifik ICA (ICA-AP), Balasubramaniam Iyer, di pejabatnya di sini Jumaat.

"Perbankan Islam bakal diketengahkan kerana sejajar dengan hasrat Perdana Menteri (Datuk Seri Najib Tun Razak) untuk menjadikan Malaysia sebagai hab perbankan Islam," katanya.

Sementara itu, industri kelapa sawit adalah antara penyumbang terbesar ekonomi negara dengan pulangan sebanyak RM82 bilion setahun, ujar beliau.

ICA Global adalah persidangan koperasi seluruh negara yang diadakan dua tahun sekali. Ia meliputi negara-negara di Rantau Asia Pasifik, Eropah, Afrika dan Amerika, yang bertujuan untuk berkongsi ilmu dalam membangunkan bidang koperasi di seluruh dunia.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1035266>